

19/06/2004

Pendidikan seni di sekolah diperluas

PUTRAJAYA: Kementerian Pelajaran akan bekerjasama dengan Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan untuk memperluaskan pendidikan seni di sekolah.

Menteri Pelajaran, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata kementerian tidak mempunyai masalah membuat penambahan pada kurikulum bagi membolehkan pelajar sekolah mengikuti pengajian pendidikan seni dengan lebih meluas.

"Saya fikir tidak ada masalah untuk kedua-dua kementerian mencari kaedah sesuai bagi memperluaskan pendidikan seni di sekolah.

"Kita fikirkan sama ada ia boleh dimuatkan dalam kurikulum selepas mengambil kira pandangan pihak terbabit," katanya kepada pemberita selepas mengetuai Pergerakan Pemuda Umno membuat kunjungan hormat kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Hishammuddin berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim yang mencadangkan pendidikan seni di sekolah diperluaskan.

Hishammuddin berkata, cadangan memperluaskan pendidikan seni boleh dicapai melalui pelbagai pendekatan.

"Sebenarnya, kita sudah bekerjasama dengan Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan berhubung isu bahasa dan budaya membaca," katanya.

(END)